

# → HUBUNGAN DUA HALA

**26.02 - 01.03**



**LAWATAN RASMI RAJA ARAB SAUDI  
RAJA SALMAN BIN ABDULAZIZ AL-SAUD**



## **KL-Riyadh pertingkat tangani keganasan**



**Raja Salman (tiga dari kiri) pada pertemuan bersama 14 mufti dari seluruh negara di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir, Hishammuddin.**

➔ Kerjasama direalisasikan melalui MoU antara dua negara dalam masa terdekat

#### ► Kuala Lumpur

**K**erjasama Kuala Lumpur-Riyadh bakal dipertingkatkan dalam membendung penyelewengan agama yang menjerus kepada aktiviti keganasan dan ajaran sesat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kerjasama itu akan direalisasikan melalui perjanjian persefahaman (MoU) di antara Malaysia dan Arab Saudi dalam masa terdekat.

Isu itu antara perkara utama yang dibincangkan pada pertemuan beliau dengan Menteri Hal Ehwal Agama Islam Arab Saudi, Sheikh Saleh Abdul-Aziz Al Ash-

Sheikh, di sini, semalam.

“Riyadh akan menyediakan MoU bagi tujuan kerjasama dalam hal ehwal agama yang perlu diperkemas lagi.

“Ketika ini, pelbagai ancaman timbul dalam penyalahgunaan agama seperti Daesh dan ajaran sesat,” kata Jamil Khir.

Bercakap kepada pemberita selepas mengetuai barisan mufti di negara ini pada pertemuan dengan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud, di sini, beliau berkata, hubungan kedua-dua negara perlu dirapatkan bagi menangani ancaman itu.

“Kita perlu rapatkan hubungan antara kedua-dua negara bagi membendung sebarang ancaman yang

mengganggu-gugat kesejahteraan ummah,” katanya.

Pada pertemuan hampir 15 minit dengan 14 mufti dari seluruh negara itu yang turut disertai Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Raja Salman berpesan agar mufti di negara ini sentiasa bersatu dan berusaha meningkatkan syiar Islam.

#### Peranan mufti

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, berkata baginda yang berinteraksi dalam bahasa Arab pada pertemuan itu, turut menekankan kepentingan untuk mufti memainkan peranan membantu umat Islam di negara ini.

“Pertemuan ini sebagai (tanda) muhibbah dan memberi kesan amat besar kepada mufti serta bersejarah dalam hubungan Malaysia dan Arab Saudi.

“Kami teruja dan seronok dapat bertemu Raja Salman yang juga mahukan kita sentiasa bersatu padu, sentiasa menjaga hubungan sesama kita dan memainkan peranan meningkatkan syiar Islam,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau yang mewakili semua mufti, berkata Penjaga Dua Kota Suci itu turut berterima kasih atas layanan Kerajaan Malaysia kepada baginda dan delegasi yang dalam lawatan negara empat hari ke Malaysia sejak Ahad lalu. **BERNAMA**